



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 70  
No. 19

**14hb September 2017**

*TAMBAHAN No. 16  
PERUNDANGAN*

---

---

**Phg. P.U. 24.**

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2017**.

**Penggantian peraturan 7**

2. Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 [*Phg. P.U. 12/1995*] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 7 dengan yang berikut:

“Fungsi Jawatankuasa. 7. (1) Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) mengadakan kursus, temuduga dan peperiksaan Sijil Peguam Syarie;

- (b) mengesyorkan kepada Majlis:
    - (i) pemohon yang berkeelayakan untuk dilantik sebagai Peguam Syarie; dan
    - (ii) untuk membatalkan atau menggantung Sijil Peguam Syarie/Sijil Amalan Tahunan
  - (c) mengawal selia tata tertib Peguam Syarie; dan
  - (d) menjalankan apa-apa fungsi sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.
- (2) Bagi maksud menjalankan fungsinya, Jawatankuasa boleh, dengan bantuan mana-mana orang—
- (a) menyediakan silibus kursus, soalan peperiksaan dan skim pemarkahan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan kursus, temuduga dan peperiksaan Sijil Peguam Syarie;
  - (b) mengadakan kursus;
  - (c) menanda dan menilai skrip jawapan peperiksaan Sijil Peguam Syarie.
- (3) Jawatankuasa boleh, bagi memastikan bahawa mana-mana orang yang membuat permohonan di bawah peraturan 10 adalah patut dan layak, mengadakan kursus, temuduga atau peperiksaan Sijil Peguam Syarie atau gabungan mana-mana dua atau kesemua yang disebut terdahulu itu.
- (4) Mana-mana orang yang terlibat dalam subperaturan (2) layak untuk dibayar suatu elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.”.

### **Pindaan peraturan 16**

#### **3. Perenggan 16(2)(g) Peraturan-Peraturan ini dipinda—**

- (a) dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan selepas noktah bertindih, proviso yang berikut:

“ Dengan syarat bahawa Jawatankuasa boleh, selepas menimbang sesuatu permohonan daripada seseorang Peguam Syarie, mengecualikannya daripada peruntukan perenggan ini;”.

Dibuat 21 Ogos 2017

[M.U.I. Phg: 2/59/3; PUN.PHG.D/100/27/1]

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN  
*Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Ugama Islam dan Adat  
Resam Melayu Pahang*

## ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991

## PEGUAM SYARIE (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

In exercise of the powers conferred by section 66 of the Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment No. 3 of 1991*], the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang makes the following regulations:

**Citation**

1. (1) These regulations may be cited as the **Peguam Syarie (Amendment) Regulations 2017**.

**Substitution of regulation 7**

2. The Peguam Syarie Regulations 1995 [*Phg. P.U. 12/1995*] which are referred to as the “the principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 7 the following regulation:

“Functions of the Committee. 7. (1) The Committee shall have the following functions:

- (a) to conduct Sijil Peguam Syarie courses, interviews and examinations;
- (b) to make recommendation to the Majlis:
  - (i) eligibility of applicant to be appointed as a Peguam Syarie; and
  - (ii) to revoke or suspend the Certificate of Peguam Syarie or the Annual Practising Certificate.
- (c) to regulate the conduct of Peguam Syarie; and
- (d) to perform any other functions as may be directed by the Majlis.

(2) For the purpose of performing its functions, the Committee may, with the assistance of any person—

- (a) prepare the course syllabus, examination questions and marking schemes and any other matters relating to the Sijil Peguam Syarie courses, interviews and examinations;
- (b) conduct the courses;
- (c) mark and evaluate the answer scripts of Sijil Peguam Syarie examinations.

(3) The Committee may, as to ensure that any person who makes an application under regulation 10 is fit and qualified, conduct a Sijil Peguam Syarie course, interview or examination or combination of any two or all of the aforesaid.

(4) Any person who is involved in subregulation (2) is eligible to be paid an allowance as the Majlis may specify.”.

### Amendment of regulation 16

3. Paragraph 16(2)(g) of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for a semicolon a colon; and

(b) by inserting after the colon, the following proviso:

“ Provided that the Committee may, after considering an application from a Peguam Syarie, exempt him from the provision of this paragraph;”.

Made 21 August 2017

[M.U.I. Phg: 2/59/3; PUN.PHG.D/100/27/1]

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN  
*Timbalan Yang Dipertua,*  
*Majlis Ugama Islam dan Adat*  
*Resam Melayu Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA